

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015/Januari 2016

**HKT 322 – TEORI DAN KAEDAH DALAM KESUSASTERAAN  
BANDINGAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

- 2 -

1. "Comparative literature regularly joins literary texts from different languages and cultures. It also regularly connects, say, a poem with dance, a film with the novel, photography with the essay. It even relates different disciplinary languages and modes of thinking." (Bermann, 2009)

Bincangkan pernyataan oleh Bernmann di atas dengan merujuk kepada skop dan penentuan pasangan untuk aktiviti bandingan dalam ilmu Kesusasteraan Bandingan.

[100 markah]

2. Menurut seorang sarjana, "Sebuah karya sastera tidak wujud secara mandiri. Ia wujud dalam satu sesawang hubungkait, justeru memberi asas kepada timbulnya kajian sastera secara bandingan".

Berdasarkan pernyataan di atas, dengan mengemukakan asas-asas dan contoh-contoh sebenar hubungkait sastera pelbagai negara atau bangsa, bincangkan gagasan Kesusasteraan Bandingan dalam kalangan sarjana kesusasteraan di Perancis.

[100 markah]

3. "Any two texts can be compared, but a comparison works when there is a sufficient basis for comparison; that is, a strong number of similarities, which allow us to isolate particular striking, revealing, informing, epiphanic and ultimately untranslatable differences..."(Reid, 2005)

Bincangkan pernyataan Gregory Reid dengan jelas dan kaitkannya dengan perbandingan yang berdasarkan genre dan tema.

[100 markah]

4. Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan genetik dalam ilmu Kesusasteraan Bandingan? Berikan jawapan anda dengan rujukan khusus kepada kes perhubungan antara pantun Melayu dengan **pantoum** Perancis-Barat, atau kes lain yang anda tahu.

[100 markah]

- 3 -

5. Bincangkan secara umum mod antara disiplin dalam kajian sastera secara bandingan. Seterusnya, dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian, tumpukan perhatian kepada perhubungan antara karya sastera dengan karya filem.

[100 markah]

6. "A literary text or work is like a stone that is thrown into water and creates ripples when the water vibrates. A strong (beautiful and meaningful) text vibrates in space (geographically) and time (historically) affecting and influencing other texts (literary and non-literary) nationally and internationally." (Hosillos, 1968)

Dengan memberi perhatian kepada pernyataan Lucila Hosillos di atas, dan dengan contoh-contoh karya yang bersesuaian, jelaskan pendekatan konsentrik dalam ilmu Kesusasteraan Bandingan.

[100 markah]

7. Mulai pertengahan abad ke-20, ilmu Kesusasteraan Bandingan telah berkembang di belahan dunia bukan Barat. Perkembangan ini dipercayai ada kaitan dengan soalan-soalan utama tentang pencarian identiti bangsa dan kebudayaan kebangsaan. Dengan mengemukakan contoh-contoh, bincangkan sejauh mana pernyataan ini benar.

[100 markah]

8. "Implicit to comparative literature outside Europe and the United States is the need to start with the home culture and to look outwards, rather than to start with the European model of literary excellence and to look inwards" (Bassnett, 1994).

Bincangkan pernyataan oleh Susan Bassnett dengan merujuk kepada idea-idea yang ditampilkan oleh sarjana bukan Barat seperti Chidi Amuta and Swapan Majumdar.

[100 makah]

- oooOooo -